



JABATAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR
ARAS 3, PODIUM 3, WISMA SUMBER ASLI
NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62574 W. P. PUTRAJAYA
Web : <http://www.doe.gov.my>

Telefon : 603-8871 2000
Faks : 603-8888 4151
(Udara)
603-8888 9987 /
603-8889 1040
(Pentadbiran)



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008
NO SIJIL : AR 5141

Ruj. kami: AS(U)91/110/610/394
Jld. 7 (7)
Tarikh : **23** Disember 2014

“Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”

Presiden
Malaysian Air Conditioning & Refrigeration Association (MACRA)
No. 27-3, Jalan 1/16B,
Kuchai Entrepreneur's Park,
Off Jalan Kuchai Lama, 58200 Kuala Lumpur, Malaysia
(Attn: MACRA Sekretariat)

Tel: 03-7980 1780
Fax: 03 7980 1781

Tuan,

**LARANGAN BAGI MEMBUAT, MEMASANG DAN MENGIMPORT
PERALATAN PENYAMAN UDARA MENGGUNAKAN HCFC YANG
BERKAPASITI 2.5 HORSE POWER (HP) DAN KE BAWAH.**

Saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas. Dialog bersama Malaysian Air-Conditioning & Refrigeration Association (MACRA) pada 11 Februari 2014 adalah dirujuk.

2. Selaras dengan Pelan Pengurusan Penghapusan HCFC (HPMP) yang sedang dijalankan, adalah dimaklumkan bahawa mulai Julai 2015, larangan bagi membuat, memasang dan mengimport peralatan penyaman udara menggunakan HCFC yang berkapasiti 2.5 horse power (hp) dan ke bawah (untuk penggunaan dalam Malaysia) akan berkuatkuasa. Strategi ini merupakan salah satu langkah bagi mengurangkan penggunaan HCFC 22 terutamanya untuk perkhidmatan penyelenggaraan memandangkan jumlah unit penyaman udara HCFC yang berkuasa 2.5 hp dan ke bawah yang digunakan di Malaysia adalah besar dan dijangka bertambah jika tiada kawalan.

3. Sehubungan ini, adalah dipohon pihak MACRA untuk mengedarkan kepada semua *Original Equipment Manufacturer* (OEM) yang terlibat seperti pihak OYL, Panasonic, Acson dan lain-lain borang serta apendiks seperti diLampiran. Lampiran tersebut hendaklah dilengkapkan dan dikemukakan kepada jabatan ini bersama surat rasmi syarikat masing-masing **pada atau sebelum 15 Februari 2015** untuk rekod dan tindakan Jabatan ini selanjutnya.


4. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini boleh dirujuk melalui emel tertera kepada Puan Shafizah Jabar Basha (shafiza@doe.gov.my) atau Encik Mohd Ariffin Bin Abdul Karim (ariffin@doe.gov.my).

Sekian.

“ PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR, TANGGUNGJAWAB BERSAMA ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(MOHD FAMEY YUSOFF)

b.p. Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling
Malaysia

Tel DID : 03-8871 2287

E-mel: famey@doe.gov.my